

SEBAHAGIAN peserta Program Dalam Komuniti di Jalan Pantai Murni 3, Lembah Pantai, Kuala Lumpur, sedang mengikuti program latihan dan pemulihan yang dijalankan.

PDK beri sinar baru kepada OKU

Oleh ROSLAH OTHMAN
>> Gambar BAIZURA HARUN



KEMAMPUAN golongan upaya (OKU) melakar sejarah dalam pelbagai bidang termasuk muncul sebagai pelajar cemerlang, usahawan berjaya dan sebagainya sememangnya sukar untuk dipertikaikan.

Malah pelantikan Prof. Datuk Dr. Ismail Mohd. Salleh yang cacat penglihatan sebagai senator pertama daripada komuniti OKU baru-baru ini, juga boleh dianggap sebagai satu bentuk rangsangan psikologi bagi mengelakkan golongan itu tidak terus dipandang sebelah mata walaupun mereka mengaloi kecacatan fizikal atau mental.

Pencapaian itu juga membuktikan usaha kerajaan dalam mengangkat

MAIMUNAH Lajin (kanan) berusaha membawa dua anaknya yang cacat, Murni Abdul Razak (belakang) dan Kamaliah (duduk) menyertai Program Dalam Komuniti bagi memupuk kemahiran diri.



martabat golongan ini tidak sia-sia terutama dengan memberikan latihan dan ilmu melalui pelbagai program yang diatur sehingga mereka mampu berdikari.

Demi memastikan OKU dapat menegcapi peluang sama rata serta diintergrasikan dalam masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di bawah agensinya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus berusaha mengatur pelbagai program.

Antara usaha yang dikenal pasti mampu meningkatkan pembangunan komuniti untuk golongan itu ialah melalui Program Dalam Komuniti (PDK).

Program ini membabitkan aspek pencegahan, pemulihan dan pembangunan, yang dilaksanakan dengan penglibatan aktif ahli keluarga dan masyarakat setempat.

Latihan asas

Program PDK bukan sahaja memberi tumpuan kepada pemulihan tetapi juga latihan asas dan terbuka kepada semua bentuk kecacatan daripada pelbagai peringkat usia.

Sehingga kini terdapat 379 buah PDK di seluruh negara dengan seramai 10,670 OKU mendapat manfaat daripadanya.

Melalui program itu juga kanak-kanak diberi peluang untuk belajar tentang respon terhadap keperluan orang dewasa, berinteraksi dengan rakan sebaya serta mewujudkan persahabatan dan belajar bekerjasama dengan orang lain.

PDK Lembah Pantai, yang terletak di Jalan Pantai Murni 3, Lembah Pantai, Kuala Lumpur, misalnya antara pusat yang dikenal pasti mampu meningkatkan keyakinan komuniti terhadap keupayaan OKU, seterusnya menjadikan masyarakat lebih penyayang dan prihatin.

Memulakan operasi pada awal Ogos tahun lalu, pusat

tersebut menempatkan kira-kira 30 peserta, 14 daripadanya pelajar sekolah pendidikan khas.

Melalui program latihan dan pemulihan berseesuaian mengikut keperluan dan jenis kecacatan, diharap bukan sahaja memberi faedah kepada OKU, bahkan ahli keluarga dan masyarakat.

Ibu bapa yang ditemui mengakui biarpun menyedari kekurangan yang dimiliki anak istimewa ini, apa yang diharapkan melalui aktiviti pemulihan yang dijalankan ia memupuk sikap dan semangat berdikari di kalangan mereka.

Seorang ibu, Maimunah Lajin, 46, mengakui pembukaan PDK di kawasan berhampiran tempat tinggalnya di Taman Angkasa, lebih memudahkan kedua-dua anak istimewanya dihantar ke pusat tersebut untuk mendapatkan kemahiran.

Katanya, sebelum ini anaknya, Murni Abdul Razak, 22, yang mengalami masalah pertuturan, sementara adiknya, Kamaliah, 20, yang cacat kaki, terpaksa dihantar ke sekolah pendidikan khas yang agak jauh jaraknya di Petaling Jaya.

"Saya berharap dengan adanya PDK yang lebih dekat, memudahkan ibu bapa lain menghantar anak-anak istimewa mereka belajar dan mendapatkan latihan di sini.

"Harapan saya cuma satu, agar Murni dan Kamariah menjadi individu yang boleh berdikari," ujar suri rumah.

Sementara itu, ibu kepada enam orang anak Rosinar Umar, 44, yang turut menghantar anak keempatnya, Nurhayati Muhidin, 16, ke pusat tersebut, melahirkan rasa gembira kerana anak gadisnya berpeluang mendapat latihan dan kemahiran.

Sebagai ibu katanya, menjadi harapan melihat Nurhayati boleh mempelajari sesuatu kemahiran di pusat itu memandang masalah pembelajaran yang dialami tidak memungkinkannya pergi jauh dalam bidang akademik.



KAMARIAH AHMAD

"Setakat ini saya dimaklumkan, para peserta termasuk Nurhayati didedahkan dengan kemahiran jahitan. Sekurang-kurangnya dengan kemahiran itu perasaan rendah diri yang menyelubunginya rendah diri dapat dibuang," kata suri rumah sepenuh masa itu.

Pendapat Rosinar turut dipersetujui Kamariah Ahmad, 52, yang selama ini menghantar

anaknya, Najwa Aris, 22, ke sekolah pendidikan khas di Kampung Baru, Kuala Lumpur dan Shah Alam, Selangor.

Najwa, yang mengalami masalah dalam pembelajaran, sejak dua bulan lalu menjadi salah seorang peserta PDK Jalan Pantai Murni 3.

"PDK di sini lebih mudah kerana jaraknya tak sampai pun 100 meter dari rumah saya," ujarnya.

Ditanya harapan Kamariah mengakui tidak menaruh harapan terlalu tinggi terhadap anak keempatnya itu, sebaliknya kemampuan menguruskan diri sendiri sudah cukup baik baginya.

Menarik tentang PDK

- Elaun RM50 sebulan bagi pelajar sekolah rendah dan menengah (jabatan pendidikan khas).
- Elaun RM300 sebulan bagi pelajar IPTA (kursus sepenuh masa).
- 50 peratus potongan yuran pengajian bagi Universiti Terbuka.

Merujuk rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Oktober tahun lalu, seramai 210,288 OKU berdaftar di bawah agensi tersebut meliputi enam jenis kurang upaya. Ini termasuklah kurang upaya penglihatan seramai 19,175 orang, pendengaran (30,725), kecacatan fizikal (70,261), masalah pembelajaran (82,036), cerebral palsy (1,373) dan lain-lain kecacatan (6,718).